

Headline	Masih bincang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	811 cm <sup>2</sup>
Journalist	Farihad Shalla Mahmud	AdValue	RM 27,457
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,370



# Masih bincang

» Isu kontrak, royalti jadi faktor album projek khas Siti bersama label Indonesia terpaksa ditangguh

Oleh Farihad Shalla Mahmud  
farihad@bharian.com.my

Sebelum ini, Datuk Siti Nurhaliza pernah mengumumkan bakal menerbitkan sebuah album projek khas yang dihasilkan bersama sebuah label di Indonesia. Perkhabaran itu disambut gembira oleh peminat setia Siti berikutan album itu dikatakan boleh menjadi pemangkin untuk dirinya kembali menggegarkan pentas hiburan republik itu.

Namun, selepas sekian lama cerita album itu diuar-uarkan, tiada perkembangan terbaru yang kedengaran. Sebaliknya, cerita mengenai penerima Anugerah Sri Perak Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) ini lebih banyak berkisar kepada penganjuran konsert dan persembahan amal di sana-sini.

Pastinya, ramai yang ternanti-nanti kemunculan album itu berikutan sudah lama Siti tidak merakamkan album. Kali terakhir dia muncul dengan album solo adalah tiga tahun lalu menerusi album *Tahajjud Cinta*. Tahun lalu, Siti muncul dengan album Inggeris pertama berjudul *All Your Love*.

Bertemu Siti pada sidang media Malam Amal *Tahajjud Cinta* di Kuala Lumpur, Rabu lalu, memberi peluang kepada HIP bertanya mengenai perkembangan terbaru album itu. Menjelaskan perkara itu, kata Siti, projek itu terpaksa ditangguhkan berikutan masalah kontrak.

"Apabila kita berurusan dengan pihak di luar negara, ada banyak

perkara yang perlu diambil kira dan diteliti. Antaranya soal royalti. Buat masa ini, pihak SNP masih berbincang dan ada beberapa syarat yang termaktub dalam kontrak belum mendapat persetujuan. Apabila masing-masing sudah puas hati, barulah projek ini akan diteruskan," katanya.

Menurut Siti lagi, sebagai pengubat rindu, *single* terbarunya, *Galau* akan mula diperdengarkan di corong radio, pertengahan bulan ini.

"Video klip lagu itu sudah siap dan hanya menunggu masa untuk disiarkan. Siti juga sedang dalam proses menghasilkan album solo terbitan sendiri. Insya-Allah, sebelum pertengahan tahun depan, album ini akan dipasarkan," katanya.

### Reka tudung sendiri

Mengulas pembabitannya pada Malam Amal *Tahajjud Cinta*, Siti berkata, pada acara yang dianjurkan Fareeda dan Yayasan AIDS Malaysia, dia akan menyanyikan lagu berkonsep ketuhanan yang kebanyakannya dipetik daripada album *Tahajjud Cinta*.

"Kebetulan, majlis ini diadakan ketika umat Islam masih dalam suasana sambutan Maulidur Rasul, jadi pihak penganjur meminta Siti menyanyikan lagu berkonsepkan demikian.

"Selain itu, Siti juga akan menyanyikan lagu popular Siti yang sesuai untuk acara itu. Persembahan Siti malam itu akan diiringi oleh pemuzik yang dipimpin Aubrey Suwito selama setengah jam," katanya.

Hadir sama pada sidang media itu, Pengurus Pemasaran dan jurucakap Fareeda, Mawar Aminuddin; Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia (MAM), Roswati Ghani; Pengurus Besar Grand Hyatt Kuala Lumpur, Robert Dallimore; Fahrin Ahmad dan Ramli Rebana (Mohram).

Bukan saja menyanyi, malah Siti juga akan melelong dua helai tudung iaitu yang dipakai pada sidang media dan yang akan digayakan pada malam itu.

"Siti akan mengenakan tudung Fareeda yang direka sendiri oleh Siti pada malam itu. Perkara ini sudah pun Siti suarakan pada penganjur dan mereka bersetuju," ujarnya.

Selain Siti, tetamu juga akan dihiburkan dengan persembahan kumpulan Mohram, manakala Fahrin bertindak sebagai pengacara.

Sementara itu, penganjur menasaskan kutipan sebanyak RM1 juta bagi jualan meja malam amal itu. Sebanyak 65 peratus daripada hasil kutipan akan diserahkan kepada Yayasan Aids Malaysia manakala bakinya disalurkan kepada Yayasan Ihtimam Malaysia.

"Siti akan mengenakan tudung Fareeda yang direka sendiri oleh Siti pada malam itu. Perkara ini sudah pun Siti suarakan pada penganjur dan mereka bersetuju"

Siti Nurhaliza,  
Penyanyi



### INFO

### Majlis Malam Amal Tahajjud Cinta

- Tarikh: 30 Januari 2013
- Lokasi: Grand Hyatt Kuala Lumpur
- Sebarang maklumat mengenai jualan meja bolehlah menghubungi Jasmin Jalil di talian 03-40474311 ataupun Johary jali di talian 03-40474277.

Dari kiri; Roswati, Abdul Ramli, Siti Nurhaliza, Mawar, Fahrin dan Robert pada sidang media Malam Amal *Tahajjud Cinta Bersama Datuk Siti Nurhaliza* di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur, baru-baru ini. (FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN / BH)

